



ANWAR Ibrahim beramah mesra bersama pengunjung yang mahu mendapatkan tandatangannya sempena majlis pelancaran buku terbaharu beliau, *Rethinking Ourselves* di Tsutaya Books. Pavilion Bukit Jalil, Kuala Lumpur semalam.

'Saya sudah ada nama'

Dari muka 1

Perdana Menteri berkata, keputusan akhir akan diambil secara berhati-hati bagi memastikan kelangsungan agenda kerajaan dan kesejahteraan rakyat terus menjadi keutamaan.

Sementara itu sewaktu menyempurnakan majlis penutup Program Rancakkan Madani Bersama Malaysiaku dan Konvensyen Nasional Reformasi Perkhidmatan Awam 2025, di Putrajaya semalam, Anwar mengakui wujud kelemahan dalam penyampaian inisiatif kerajaan kepada golongan sasaran, sekaligus menimbulkan rasa tidak puas hati dan kemarahan rakyat.

Katanya, daripada 167 in-

siatif baharu yang dilancarkan kerajaan sebelum ini, ada kalanya manfaatnya tidak sampai kepada penerima yang sepatutnya, menyebabkan beberapa program hanya mendapat maki hamun dan kritikan daripada masyarakat.

"Kalau kita kira, ada 167 inisiatif untuk rakyat, tetapi tidak sampai kadang-kadang kepada khalayak. Yang sampai itu hanya sampah dan sumpah serta maki hamun," katanya.

Beliau turut menekankan mengenai keperluan penjawat awam memainkan peranan penting dalam memastikan setiap dasar dan inisiatif kerajaan dilaksanakan sepenuhnya dan disampaikan kepada rakyat

tanpa mengira kritikan atau perbezaan pendapat dalam kalangan mereka.

Dalam pada itu, Anwar turut mengiktiraf sumbangan Jemaah Menteri serta kepimpinan tertinggi perkhidmatan awam yang membantu kerajaan merangka dasar yang membawa kesejahteraan kepada rakyat.

Program Rancakkan Madani selama tiga hari bermula Jumaat lalu, merupakan kesinambungan Program Setahun Bersama Kerajaan Madani dan Program Dua Tahun Kerajaan Madani, bertujuan memaklumkan prestasi kerajaan secara langsung kepada rakyat dan memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar serta inisiatif kerajaan dapat dinilai.